



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

10 MAC 2021

Bil	Tajuk Berita	Media	MUKA SURAT
1	JPA, KSM kaji syor perluas dasar Bekerja Dari Rumah	BERITA HARIAN	14
2	Penghuni kuarters degil akan dihalau	KOSMO	14
3	BDR kurangkan kos pekerja, majikan	KOSMO	14
4	Dituduh jolok anjing dengan buluh	HARIAN METRO	12
5	Senior citizen claims trial to poking dog with stick	NEWS STRAITS TIMES	11
6	Smugglers still using fake ear tags ruse on livestock	NEWS STRAITS TIMES	11

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Kaji kesesuaian kerja dari rumah dengan gaji penuh

JPA, KSM kaji syor perluas dasar Bekerja Dari Rumah

Langkah susulan cadangan dikemuka Perdana Menteri

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menjalankan satu kajian dan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berhubung kemudahan Bekerja Dari Rumah (BDR) diteruskan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jabatan itu dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengambil perhatian sewajarnya cadangan berhubung perkara itu oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin.

"JPA mengambil perhatian se-

wajarnya cadangan Perdana Menteri berkenaan kemudahan BDR bagi sektor awam dengan gaji penuh untuk penjagaan ahli keluarga yang uzur dan sakit serta menyokong isteri dalam hal penjagaan anak yang baru lahir.

"Satu kajian dan perbincangan bersama Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan dilaksanakan berhubung perkara ini dan hasil kajian akan dibentangkan kepada kerajaan bagi pertimbangan selanjutnya," katanya dalam kenyataan kepada BH.

Kelmarin, Muhyiddin ketika menyampaikan ucapan perasmian sambutan Hari Wanita 2021 peringkat kebangsaan, dilaporkan meminta JPA dan Kementerian Sumber Manusia (KSM), untuk menilai cadangan memperluas kemudahan BDR untuk sektor awam dan swasta dengan gaji penuh, bagi penjagaan ahli keluarga yang uzur dan sakit serta menyokong isteri dalam hal penjagaan anak baharu lahir.

Inisiatif itu antara lain membolehkan kakitangan wanita kekal dalam sektor pekerjaan dan meningkatkan produktiviti kerja.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata kementeriannya juga sedang mengkaji sama ada BDR boleh diamalkan pasca PKP.

"Ia (BDR) akan membabitkan sesetengah sektor sahaja dan berdasarkan kepada prestasi pekerja. Kita dapat, dalam sektor tertentu, walaupun BDR, ia masih berjaya.

"Perkara ini boleh dicadangkan kepada sesetengah sektor yang kita lihat berjaya," katanya selepas Majlis Sambutan 365 Hari Pencapaian Menteri Sumber Manusia di kementeriannya, semalam.

Saravanan berkata, kejayaan BDR juga bergantung kepada keikhlasan pekerja berikutan ada pekerja dikesan mengambil kesempatan dan culas bekerja.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata dasar bekerja dari rumah untuk negeri dan kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih terpakai dan kehadiran pegawai ke pejabat masih kekal dengan jumlah maksimum seramai 30 peratus daripada jumlah sebenar.

Bagaimanapun, katanya, jumlah kehadiran pekerja ke pejabat di negeri dan kawasan dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah pada tahap maksimum, namun ia tertakluk kepada arahan ketua jabatan.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat jawatankuasa antara agensi berkaitan dan Kementerian Kesihatan (KKM) kelmarin setuju bahawa dasar kerja dari rumah di bawah industri perkhidmatan awam dan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) masih lagi terpakai.



PENGHUNI kuarters kerajaan di bawah seliaan BPH di Putrajaya akan diberi notis pengosongan serta-merta jika melakukan kesalahan maksimum mengikut Sistem Demerit. – GAMBAR HIASAN

Penghuni kuarters degil akan dihalau

Oleh MOHD. HUSNI MOHD NOOR

PUTRAJAYA – Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) semalam memperkenalkan Sistem Demerit yang mengarahkan penghuni kuarters kerajaan mengosongkan premis serta-merta jika melakukan kesalahan mencecah 100 mata.

BPH dalam satu kenyataan berkata, notis amaran akan diberikan jika kesalahan terkumpul mencapai 70 mata kepada penghuni degil.

“Sistem yang diperkenalkan mulai awal tahun ini akan menguatkuaskan peraturan menduduki kuarters kerajaan dan mendisiplinkan penghuni supaya mematuhi peraturan ditetapkan.

“Kami ingin memastikan ke mudahan kuarters yang diberikan sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas, selesa dan selamat,” kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, pelanggaran peraturan dikategorikan kepada dua iaitu kesalahan

kecil dan mandatori.

Menurutnya, bagi kesalahan kecil, mata demerit dikenakan kepada penghuni sebanyak lima, 10 atau 20 mata mengikut kesalahan yang dilakukan.

“Jika sudah mencapai 70 mata demerit, penghuni akan diberikan notis amaran, namun apabila sudah sampai 100, notis pengosongan akan dikeluarkan,” katanya.

Jelas kenyataan itu lagi, pihaknya menerima banyak aduan berkaitan ketidakselesaan penghuni terhadap tindakan dan perlakuan jiran masing-masing.

“Ada yang membela haiwan peliharaan sehingga mendaangkan bau tidak menyenangkan, meletakkan barang di luar rumah yang menyakitkan pandangan dan menghalang laluan serta bunyi bising serta kacau ganggu.

“BPH mengambil kira setiap isu ini sebelum sebarang peraturan dan tindakan dibuat. Justeru, setiap penghuni kuarters haruslah mengamalkan sikap bertimbang rasa dan menghor-

mati sensitiviti serta keperluan jiran dan komuniti,” katanya.

Dalam Sistem Demerit, terdapat enam kategori bagi kesalahan kecil iaitu kebersihan, fasiliti atau kemudahan bersama, kenderaan, haiwan atau tumbuhan, komuniti dan umum.

Antara kesalahan itu termasuk meletakkan barang di ruang gunasama, menyalahgunakan bekalan air dan elektrik, mengecat dan meletakkan kertas dinding di kawasan kemudahan bersama, menjemur kain selain dari tempat dibenarkan, memelihara atau menternak binatang, kenderaan tersadai serta tidak mempamerkan pelekat kenderaan.

Antara kesalahan mandatori termasuk menggunakan kuarters sebagai tempat pejabat persatuan, pertubuhan atau sebagai rumah ibadat; menambah atau membuat sebarang pengubahsuaian kepada bentuk binaan kuarters; membuat sambungan utiliti yang tidak sah dan memecah masuk ke dalam kuarters kosong.

10.03.2021

KOSMO

NEGARA

14

BDR kurangkan kos pekerja, majikan

PUTRAJAYA — Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk meneruskan amalan bekerja dari rumah (BDR) untuk meringankan beban pekerja walaupun selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, walaupun BDR budaya baharu yang diperkenalkan ketika PKP, namun ia dilihat mampu mengurangkan beban kos kepada syarikat dan pekerja.

Bagaimanapun katanya, keperluan dasar BDR sedang diteliti untuk mengelakkan ada pekerja yang cuba mengambil kesempatan terhadap kelonggaran tersebut.

"Kejayaan dasar itu banyak bergantung kepada nilai keikhlasan pekerja sendiri tanpa menjelaskan tahap produktiviti sedia ada.

"Kita bimbang jika ada pekerja yang mengambil kesempatan BDR sehingga kemungkinan menjelaskan pula niat baik majikan," katanya pada sidang akhbar pada majlis

sambutan sempena setahun beliau menerajui kementerian itu di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan tidak mahu BDR mencacatkan usaha kerajaan yang mahu meringankan beban pekerja dan mengekang penularan Covid-19 meskipun BDR ada memberi impak pengurangan kos kepada syarikat serta pekerja.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kejayaan setahun mengendali kementerian itu, Saravanan berkata, banyak pihak berjaya diselamatkan melalui Program Subsidi Upah (PSU).

"Sebanyak RM12.38 bilion telah dibayar kepada 331,569 majikan yang menggaji seramai 2,725,161 pekerja di seluruh negara sepanjang pelaksanaan PSU 1.0 tahun lepas.

"Sementara PSU 2.0 pula, pihak kementerian membayar RM442.53 juta kepada 77,882 majikan yang mewakili 973,415 pekerja," katanya yang bercadang untuk melancarkan PSU 3.0 pula selepas ini.



KERAJAAN akan meneliti keperluan BDR selepas tempoh PKP tamat.

— GAMBAR HIASAN

Dituduh jolok anjing dengan buluh

Butterworth: Seorang lelaki warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan menjolok seekor anjing betina jalanan dengan sebatang buluh hingga menyebabkan kecederaan pada haiwan itu pada kejadian Oktober tahun lalu.

Tertuduh, Ng Ah Leak, 75, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Noor Aini Yusof.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa secara tidak munasabah menjolok seekor anjing betina dengan buluh sepanjang 2.4 meter hingga cedera pada bawah mata kiri yang menyebabkan kesakitan dan penderitaan terhadap haiwan terbabit.

Kesalahan itu didakwa dilakukan dalam long-kang

belakang rumah Nombor 2, Jalan Tanjung Indah, Taman Tanjung Indah, Raja Uda dekat sini, jam 10.30 malam, pada 24 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa melakukannya kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam, Lim Jin Hong.

Hakim menetapkan 13 April ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sementara itu, anjing yang menjadi mangsa kes terbabit berada dalam keadaan sihat.

**Hakim tetapkan
13 April ini tarikh
sebutan semula kes**

Senior citizen claims trial to poking dog with stick

BUTTERWORTH: A senior citizen was charged at the Sessions Court here yesterday with unreasonably causing pain and suffering to a dog last October. Ng Ah Leak, 75, claimed trial when the charge was read to him in Mandarin by the court interpreter before judge Noor Aini Yusof. Ng was charged with using a 2.4m-long bamboo stick to poke at a white female dog below its left eye inside a drain behind a house in Taman Tanjung Indah, Raja Uda here about 10.30pm on Oct 24 last year. He was charged under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015, punishable under Section 29(1) of the same act, which provides for a fine of between RM20,000 and RM100,000 or jail up to three years or both upon conviction. The dog was brought to court yesterday. According to its handler, the dog is doing well after being treated.

Smugglers still using fake ear tags ruse on livestock

RANTAU PANJANG: Smugglers operating along the Kelantan/Thai border are still using fake ear tags on smuggled cattle to evade detection by the authorities. Kelantan Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) director Roslan Che At said this tactic was to make the animals look like they were legally certified livestock. However, he said the tactics used by smugglers did not deter Maqis officers from doing their job. “Our officers can identify and ascertain which ear tags are genuine or fake. For example, Thailand uses eight digits for their livestock’s ear tags while in our country, we use different identification numbers.”